

UJIAN PERTENGAHAN TAHUN UNIT 1 - 6

MARKAH		
KERTAS 1	KERTAS 2	JUMLAH
40	60	100

KERTAS 1

[40 markah]

Masa: Satu jam

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

- 1 Dua ratus tiga ribu lima belas dalam angka ialah
 A 230 150 C 203 015
 B 203 150 D 23 015

- 2 Apakah nilai digit bagi 7 dalam nombor 307 145?
 A Puluh ribu C 70 000
 B Ribu D 7 000

- 3 Rajah 1 menunjukkan 6 keping kad nombor.



Rajah 1

Bentukkan satu nombor enam digit yang paling besar nilainya daripada kad-kad nombor di atas.

Bundarkan jawapan kepada puluh ribu yang terdekat.

- A 800 000 C 870 000
 B 700 000 D 780 000
- 4 2 ratus ribu + 4 puluh ribu + 3 ratus + 9 sa =
 A 240 309 C 204 309
 B 240 039 D 204 039

- 5 Bundarkan 1 349 608 kepada ratus ribu yang terdekat.
 A 1 400 000 C 1 350 000
 B 1 300 000 D 1 340 000


- 6 Hitung jumlah bagi 39 698, 723 543 dan 6 899.
 A 707 140 C 770 140
 B 707 104 D 770 104

- 7 $1\,036\,495 - 605\,328 =$
 A 430 167 C 450 137
 B 431 167 D 460 317

- 8 $72\,369 + \square + 308\,694 + 7\,676 = 608\,739$
 A 220 ribu C 202 ribu
 B 230 ribu D 203 ribu

- 9 $\frac{72.609}{3} =$
 A $24 + \frac{2}{1\,000} + \frac{3}{100}$
 B $24 + \frac{2}{100} + \frac{3}{10}$
 C $24 + \frac{2}{10} + \frac{3}{100}$
 D $24 + \frac{2}{10} + \frac{3}{1\,000}$

- 10 Rajah 2 menunjukkan satu garis nombor.



Rajah 2

Hitung nilai $L - K + M$.

- A $\frac{5}{8}$ C $1\frac{1}{8}$
 B $\frac{7}{8}$ D $1\frac{5}{8}$
- 11 Hasil darab bagi 4 025 dan 8 ialah 32 200. Berapakah hasil darab bagi 4 025 dengan 24?
 A 96 600 C 64 400
 B 84 600 D 48 200
- 12 Rajah 3 terdiri daripada beberapa segi empat sama yang sama besar.



Rajah 3

Berapakah peratus bahagian yang berwarna daripada seluruh rajah itu?

- A 25% C 50%
B 30% D 75%


13 $810\,270 \div 90 - 1\,400 =$

- A 9 300
B 9 003
C 7 600
D 7 603

14 $7 + 3\frac{2}{5} - 5\frac{1}{5} =$

- A 520% C 50%
B 500% D 25%

15 Rajah 3 menunjukkan waktu mula dan waktu tamat Lisa membuat ulangkaji pada suatu malam.



Rajah 3

Hitung tempoh Lisa membuat ulangkaji.

- A 1 jam C 2 jam
B 1 jam 15 minit D 2 jam 15 minit

16 Rajah 4 menunjukkan perbualan antara dua orang murid.

Lee : Yazid, awak sudah beli tiket perlawanan bola sepak esok?
Yazid : Ya, saya sudah beli 15 keping tiket Lee. Setiap tiket berharga RM35.00.

Rajah 4

Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar oleh Yazid?

- A RM550 C RM450
B RM525 D RM425

17 Haslina menggunakan $\frac{3}{4}$ daripada wang simpanannya untuk membeli sebuah komputer riba. Harga komputer riba itu ialah RM2 568. Berapakah wang simpanan Haslina sebelum membeli komputer riba itu?

- A RM1 284 C RM3 424
B RM1 926 D RM4 268

18 Jadual 1 menunjukkan sebahagian daripada jadual penerbangan di Lapangan Terbang Kota Bharu.

Dari	Ke	Waktu bertolak	Waktu tiba
Kota Bharu	Kuala Lumpur	5:55 a.m.	7:00 a.m.
Kota Bharu	Pulau Pinang	6:20 p.m.	7:00 p.m.
Kota Bharu	Johor Baharu		7:00 a.m.
Kota Bharu	Ipoh		7:00 p.m.

Jadual 1

Masa penerbangan dari Kota Bharu ke Johor Baharu lebih 20 minit dari masa penerbangan Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Manakala penerbangan dari Kota Bharu ke Ipoh kurang 10 minit daripada penerbangan dari Kota Bharu ke Pulau Pinang.

Hitung beza masa penerbangan antara tempoh penerbangan yang paling lama dengan tempoh penerbangan yang paling singkat.

- A 55 minit C 125 minit
B 105 minit D 135 minit

19 Encik Razak menyimpan RM420 setiap bulan untuk tabung pendidikan 3 orang anaknya. Dia memasukkan RM160 ke dalam akaun anak sulungnya. Baki dibahagi sama banyak ke akaun dua anaknya, Syafiq dan Zara. Berapakah jumlah wang simpanan Zara dalam tempoh 3 tahun?

- A RM7 560 C RM5 040
B RM5 760 D RM4 680

20 Rajah 5 menunjukkan dua keping kad nombor.



Rajah 5

Tambahkan nilai digit 6 bagi kedua-dua nombor itu.

- A 12 C 0.66
B 1.2 D 0.12

21 Min umur Radhi, Johan, Sue Wen, Nora dan Meena ialah 15 tahun. Hasil tambah umur Radhi dan Johan ialah 27 tahun. Hitung min umur, dalam tahun, Sue Wen, Nora dan Meena.

- A 46 C 45
B 42 D 16

- 22 Apakah nama lain bagi faedah?
 A aset C cukai
 B liabiliti D bonus

- 23 Jadual 2 menunjukkan harga sotong dan udang.

Barang	Harga (1 kg)
Sotong	RM24
Udang	RM36

Jadual 2

Puan Syida membeli 700 g sotong dan 1.6 kg udang. Dia membayar dengan sekeping wang kertas RM50 dan 3 keping wang kertas RM10. Berapakah baki wangnya?

- A RM4.40 C RM15.60
 B RM5.60 D RM20.00
- 24 Rajah 6 menunjukkan harga sebuah beg tangan dan diskaun yang diberikan.



Rajah 6

Sufia membayar RM315 untuk membeli beg tangan itu.

Apakah nilai X?

- A 15 C 40
 B 20 D 50
- 25 Radzi mempunyai sebuah buku yang mengandungi 192 halaman. Dia telah membaca $\frac{3}{4}$ daripada jumlah halaman itu pada hari pertama. Pada hari kedua, dia telah membaca $\frac{1}{4}$ daripada baki halaman.

Berapakah halaman yang belum dibaca oleh Radzi?


- A 36 C 108
 B 84 D 144
- 26 Harga sepasang kasut ialah RM144. Potongan harga 25% telah diberikan. Berapakah wang yang perlu dibayar bagi 2 pasang kasut yang sama?
- A RM108 C RM360
 B RM216 D RM384

- 27 Umur Haziq ialah 12 tahun 5 bulan. Umur ibunya adalah 3 kali umur Haziq. Manakala umur ayahnya adalah 3.5 tahun lebih tua daripada umur ibunya.

Berapakah umur ayah Haziq?

- A 40 tahun 8 bulan C 40 tahun 10 bulan
 B 40 tahun 9 bulan D 40 tahun 11 bulan

- 28 Rajah 7 menunjukkan waktu bagi dua buah bandar raya pada hari yang sama.



Rajah 7

Nyatakan waktu di Kuala Lumpur apabila waktu di London ialah jam 0925.

- A Jam 1925 C Jam 0425
 B Jam 1625 D Jam 0225
- 29 Kadar faedah untuk sebuah bank selama setahun ialah 4%. Lucy telah menyimpan sebanyak RM5 000 pada awal tahun 2019. Berapakah jumlah wang simpanannya pada awal tahun 2020?
- A RM5 004 C RM5 120
 B RM5 060 D RM5 200

- 30 Rajah 8 menunjukkan satu situasi.

Melly ada 100 biji manik biru, 40 biji manik kuning, 20 biji manik merah dan beberapa biji manik hitam. Bilangan manik hitam adalah $\frac{2}{5}$ daripada bilangan manik biru.

Rajah 8

Apakah pecahan bilangan manik hitam daripada kesemua manik Melly?

- A $\frac{1}{2}$ C $\frac{1}{5}$
 B $\frac{1}{4}$ D $\frac{2}{5}$
- 31 Puan Sarah membekalkan 625 bungkus nasi lemak setiap hari kepada beberapa buah kantin di beberapa buah sekolah. Jika Puan Sarah tidak bercuti pada bulan Ogos, berapa bungkuskah nasi lemak yang dibekalkan olehnya dalam bulan Ogos itu?
- A 17 500 C 19 375
 B 18 750 D 20 570

Kertas soalan ini mengandungi 15 soalan. Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan kamu dengan jelas dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan. Tunjukkan langkah-langkah penting. Ini boleh membantu kamu untuk mendapatkan markah.

1 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor.

3.65 juta

Rajah 1

(a) Tuliskan nombor di atas dalam perkataan.

[1 markah]

I(a)

(b) Nyatakan nombor itu dalam pecahan juta.

[1 markah]

I(b)

Jumlah
I

2 Rajah 2 menunjukkan sebuah tanda harga.

RM1 050

Rajah 2

(a) Berapa kepingkah wang kertas RM50 yang sama nilai dengan tanda harga itu?

[1 markah]

2(a)


(b) Bundarkan RM723.95 kepada ringgit yang terdekat.

[1 markah]

2(b)

Jumlah
2

3 Rajah 3 menunjukkan satu garis nombor.



3(a)

Rajah 3

(a) Berapakah beza nilai antara dua senggatan kecil itu?

[1 markah]

3(b)

(b) Apakah nilai bagi P dan Q ?

[2 markah]

Jumlah
3

4(a)

4 Sebuah kotak dapat memuatkan 28 buah buku.

(a) Berapa buahkah kotak yang diperlukan untuk mengisi 28 672 buah buku? [2 markah]

4(b)

(b) Buku-buku itu kemudian dihantar ke empat buah perpustakaan.

Berapakah bilangan buku yang diterima oleh setiap perpustakaan?

[2 markah]

Jumlah
4

5 (a) $4.2 \text{ jam} + 45 \text{ minit} = \text{_____ jam _____ minit}$

[2 markah]

5(a)

	2
--	---

(b) Tukarkan jawapan yang diperolehi di (a) kepada minit.

[2 markah]

5(b)

	2
--	---

Jumlah
5

	4
--	---

6 Rajah 4 menunjukkan dua keping kad nombor.



Rajah 4

(a) Senaraikan nombor perdana yang berada di antara kedua-dua nombor itu.

[2 markah]

6(a)

	2
--	---

(b) Nyatakan ciri-ciri nombor perdana.

[2 markah]

6(b)

	2
--	---

Jumlah
6

	4
--	---

7 Julia mempunyai 8 keping wang RM50, 5 keping wang RM20 dan 4 keping wang RM5. Dia menggunakan $\frac{1}{2}$ daripada wangnya itu untuk membeli 4 buah buku. 30% daripada baki wangnya itu untuk membeli sepasang kasut.

(a) Berapakah jumlah wang yang dipunyai Julia? [1 markah]

7(a)


7(a)

(b) Hitung baki wang Julia. [2 markah]

Jumlah

7

8 Rajah 5 menunjukkan suatu masa pada suatu malam.



Rajah 5

8(a)

(a) Masa yang ditunjukkan adalah lewat selama $\frac{1}{5}$ jam. Berapa lamakan jam itu lewat, dalam minit? [2 markah]

8(a)

(b) Nyatakan waktu sebenar jam itu dalam sistem 24 jam. [2 markah]

Jumlah

8

9 Rajah 6 menunjukkan satu tugas yang diselesaikan oleh Faizah.

$$4.56 + 7 - 3.219 = 1.411$$

Rajah 6

(a) Cikgu Khairi meminta Faizah membetulkan kesalahan yang telah dilakukan semasa menyelesaikan soalan itu. Tunjukkan jawapan sebenar. [2 markah]


9(a)

(b) Hitung $5.18 + 2\frac{3}{10} - 4$. Nyatakan jawapan kepada satu tempat perpuluhan. [2 markah]

9(b)

Jumlah
9

10 Rajah 7 menunjukkan bilangan biskut dalam sebuah kotak.



Rajah 7

Hasya telah mengeluarkan sebanyak 256 keping biskut itu.

(a) Nyatakan biskut yang tinggal dalam pecahan. [3 markah]

10(a)

(b) Bilangan biskut yang tinggal hendak dibungkus semula secara sama banyak ke dalam peket-paket kecil untuk diedarkan ke beberapa buah kedai. Harga setiap peket adalah RM25.00. Hasya telah berjaya menjual kesemua peket itu dengan harga sebanyak RM800.

Berapakah bilangan peket biskut yang Hasya jual semuanya? [2 markah]

10(b)

Jumlah
10

11 Jadual 1 menunjukkan harga bagi tiga jenis barang.

Barang	Beg	Kemeja	Seluar
Harga	RM99	RM65.90	RM45.90

Jadual 1

Farhan membeli sebuah beg, sehelai kemeja dan sepasang seluar. Dia membayar kesemua barang-barang itu dengan menggunakan 5 keping wang kertas RM50.

(a) Berapakah baki wang yang diterimanya? [2 markah]


11(a)

11(b)

(b) Amir mendapat diskaun 10% bagi sebuah beg. Berapakah jumlah wang yang perlu dibayarnya, jika dia membeli 2 buah beg?

Jumlah
10

12 Rajah 8 menunjukkan waktu Azura mula melukis pada suatu petang.



Rajah 8

(a) Nyatakan waktu Azura mula melukis dalam sistem 24 jam. [2 markah]

12(a)

12(b)

(b) Azura melukis selama $4\frac{2}{3}$ jam. Pada pukul berapakah dia siap melukis? [3 markah]

Jumlah
12

13 Sejumlah 250 keping setem telah dikumpulkan oleh dua orang murid, Haiza dan Faruq. Bilangan setem Haiza adalah 4 kali bilangan setem Faruq.
 (a) Tuliskan ayat matematik bagi mencari bilangan setem Faruq. [1 markah]

13(a)

(b) Berdasarkan jawapan di (a), cari bilangan setem Faruq. [2 markah]

13(b)

(c) Berapakah bilangan setem Haiza? [2 markah]

13(c)

Jumlah
13

14 Encik Amran membeli 5 664 biji oren. $\frac{3}{8}$ daripada oren itu telah busuk. Oren yang elok diisi ke dalam 25 buah beg plastik. Baki oren itu disimpan oleh Encik Amran.
 (a) Berapakah bilangan oren yang telah busuk? [2 markah]

14(a)

(b) Hitung bilangan oren di dalam setiap beg plastik. [2 markah]

14(b)

(c) Berapakah bilangan oren yang disimpan oleh Encik Amran? [1 markah]

14(c)

Jumlah
14

15(a)

15 Puan Azah menyimpan sebanyak RM20 000 di dalam sebuah bank. Bank itu memberikan kadar faedah sebanyak 5% setahun.

(a) Hitung faedah mudah yang diterima oleh Puan Azah.

[1 *markah*]

15(b)

(b) Cari faedah kompaun pada tahun kedua.

[2 *markah*]

15(c)

(c) Berapakah keuntungan yang Puan Azah peroleh selama 3 tahun?

[2 *markah*]

Jumlah
15